

Bomba perluas kempen kesedaran kes lemas

Kota Bharu: Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat kini memperluaskan kempen kesedaran dalam kalangan pelajar negara ini, daripada aspek kebakaran kepada kes kematian akibat lemas.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata kematian akibat kejadian lemas di negara ini, mencapai purata 700 kes setiap tahun, berbanding hanya 150 kes akibat kebakaran.

"Kes lemas diklasifikasi sebagai bencana kemanusiaan ekoran kecuaihan yang menyebabkan kematian. Kejadian lemas sukar dibendung dan apa yang termampu dibuat pihaknya hanya menekankan aspek amaran.

"Fokus kesedaran diberikan kepada kanak-kanak kerana majoriti mangsa lemas adalah di bawah 18

tahun. Justeru, jika sebelum ini, kempen kesedaran di sekolah hanya membabitkan kes kebakaran, kini kita giat menjalankan program kesedaran di air," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis penganugerahan pingat kebesaran jabatan itu kepada 35 penerima, termasuk tiga wakil dari Sungai Golok, Thailand, di sini, semalam.

Selain itu, 46 kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan menerima Sijil Perkhidmatan Terpuji, manakala 45 lagi menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

Letak tanda amaran

Beliau berkata, pihaknya juga meletakkan tanda amaran di kawasan perangan seperti pantai dan air terjun yang dikenal pasti sebagai

kawasan bahaya terutama yang meragut lebih lima nyawa.

"Bagaimanapun, ia (kejadian lemas) masih lagi berlaku termasuk di Pantai Sri Telong, Bachok baru-baru ini, meskipun kawasan itu sudah dikenal pasti sebagai lokasi berisiko tinggi," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Wan Mohd Nor memaklumkan kemas kini naik taraf maahad tahfiz di negara ini yang sudah memasuki fasa kedua.

"Daripada keseluruhan lebih 1,000 maahad tahfiz di negara ini, sebanyak 200 premis sudah diperiksa yang mana tidak banyak membabitkan struktur.

"Selebihnya pihak Giat MARA yang bertanggungjawab dalam projek itu akan berhubung dengan kami untuk buat pemeriksaan jika kerja naik taraf," katanya.

[FOTO ZAMAN HURI ISA/BH]



Wan Mohd Nor (tiga dari kiri) beramah mesra dengan Timbalan Datuk Bandar Majlis Perbandaran Sungai Golok, Aphichet Jeh-Ouma (tengah) pada majlis penganugerahan pingat kebesaran Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di Kota Bharu, semalam.